



## CHURCH OF THE IMMACULATE CONCEPTION

No.9, Jalan Gereja, 80100, Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tel: +607-224 3034/8490

Fax: +607-2261794

Email: [office@cijb.org](mailto:office@cijb.org)

Website: [www.cijb.org](http://www.cijb.org)

### PENGUMUMAN PAROKI 3 tarikh 12 September 2020

Seperti yang diumumkan oleh Uskup pada 9 September, terdapat pelonggaran/pengurangan bagi kawalan COVID-19 yang berkuatkuasa mulai 4hb September 2020. Walau bagaimanapun, **setiap paroki harus menentukan apakah langkah-langkah yang sesuai yang diperlukan** untuk memastikan umat di setiap paroki merasa selamat menghadiri MISA. **Demikian juga di paroki kita CIC, langkah-langkah kawalan yang sesuai di CIC adalah berbeza dari paroki-paroki lain.** Oleh itu, beberapa perubahan telah dilakukan pada SOPs berkaitan dengan COVID-19 di paroki CIC.

### **BERKUATKUASA MULAI 18 SEPTEMBER 2020**

Perkara-perkara ini harus dipatuhi untuk memastikan anda semua selamat ketika menghadiri misa di paroki yang kita sayangi.

Perubahan utama adalah kumpulan umur yang dibenarkan untuk hadir mengambil bahagian dalam **MISA MINGGU (Sabtu /Ahad)** dan proses pendaftaran.

Para Umat yang berumur 7 tahun ke atas kini dibenarkan mendaftar untuk hadir. Seperti yang dinasihatkan oleh doktor perubahan pasukan respons paroki kita CIC. Manakala kanak-kanak **di bawah usia 7 tahun dan orang tua yang lemah / sakit kesihatan tidak digalakkan untuk hadir** kerana mereka masih dalam kumpulan berisiko tinggi.

Pendaftaran kini terbuka untuk semua orang, di mana anda perlu membuat pra-pendaftaran kehadiran anda sama ada melalui ketua BEC anda, pejabat paroki, FB atau anda sendiri di laman web kami. **Pra-pendaftaran masih diperlukan kerana terdapat jumlah tempat duduk yang terhad kerana keperluan jarak sosial.** Pendaftaran dibuat berdasarkan urutan iaitu yang "dulu mendaftar diberi keutamaan" (First-come-first-serve).

Jadi sila daftar secepat mungkin pada awal minggu. Setelah anda berjaya mendaftar, anda akan menerima notis pengesahan pendaftaran melalui e-mel.

Untuk menghadiri Misa, setiap umat paroki dimestikan untuk :

- i) Mesti sihat dan tanpa gejala berkaitan COVID-19
- ii) Tidak berada dekat dengan orang yang disyaki atau disahkan telah dijangkiti oleh COVID-19
- iii) HARUS memakai topeng 3 lapis setiap masa, sebaik berada dalam perkarangan gereja
- iv) Hendaklah mematuhi peraturan jarak sosial sejauh 1 Meter setiap masa misalnya ketika duduk di bangku dan ketika beratur.

Setiap langkah SOP ini HARUS dipatuhi dengan tegas, kerana COVID-19 masih merupakan ancaman kepada masyarakat kita dan kita harus bertanggungjawab. Kami sangat yakin dengan langkah-langkah ini dan dengan kerjasama penuh anda, kita akan selamat di bawah perlindungan-Nya.

Sekiranya anda mempunyai masalah atau memerlukan penjelasan lebih lanjut, jangan ragu untuk menghubungi ketua PPC atau ketua kerasulan.

Akhir sekali, teruskan berdoa agar wabak Covid-19 berakhir dan semua orang yang beriman tetap selamat terlindung dari jangkitan. Anda sentiasa dalam doa saya.

Semuanya hanya untuk Tuhan!

  
Fr Edward Rayappan  
Padre Paroki

